

# Info PINTAR



## PERASMIAN SHOWCASE


PELANCARAN PAMERAN BERTEMAKAN PERJALANAN/PERGERAKAN KUALITI (SHOWCASE) PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK.

Pada 27 November 2008, UiTM telah dinobatkan sebagai juara bagi Aungerah Kualiti Perdana Menteri 2008. Sebagai menghargai dan bukti kemenangan, UiTM telah mengambil inisiatif untuk menyediakan satu pameran (showcase) yang bertemakan perjalanan/pergerakan kualiti bagi setiap fakulti, jabatan, bahagian, unit di peringkat UiTM Shah Alam.

PTAR tidak terkecuali menyahut inisiatif yang baik ini dan pada 16 Mac 2009 bersamaan dengan hari Isnin, PTAR telah dikenalpasti sebagai premis pilihan bagi perasmian pelancaran Showcase UiTM di mana majlis ini telah disempurnakan oleh Tan Sri Dato' Seri Prof Dr Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor UiTM. Majlis bersejarah yang merupakan kerjasama pihak PTAR dan InQKA ini dihadiri oleh pengurusan UiTM, Ketua-ketua Jabatan, Bahagian, Unit dan Ketua-Ketua Unit Pengurusan Kualiti, staf PTAR dan staf UiTM.

Showcase PTAR yang diletakkan di foyer perpustakaan ini memaparkan maklumat-maklumat pergerakan kualiti, model pengurusan, era kepimpinan PTAR, statistik dan data-data utama PTAR, pencapaian dan anugerah-anugerah yang telah dicapai diperingkat UiTM, kebangsaan dan antarabangsa serta gambar-gambar yang terkini dan berinformatif serta paparan maklumat melalui video.

Dengan adanya pameran (showcase) yang bertemakan perjalanan/pergerakan kualiti ini, sedikit sebanyak menyerikan foyer perpustakaan selain ia memberi informasi yang berguna kepada pengunjung dan pengguna perpustakaan.



# DARI MEJA KETUA PUSTAKAWAN

**“Peranan Perpustakaan  
Amat Penting Di Dunia  
Akademik”**



Alhamdulillah, segala puji bagi ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya Buletin InfoPintar Bilangan 2/2009 dapat diterbitkan dengan jayanya. Kejayaan demi kejayaan yang diperolehi telah mendorong PTAR untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada pengguna.

Peranan perpustakaan amatlah penting di dunia Akademik tambahan lagi di zaman globalisasi ini yang amat mementingkan modal insan yang cemerlang. Peranan PTAR yang sentiasa memberi sokongan serta perkhidmatan yang berkualiti kepada seluruh Warga PTAR telah di buktikan melalui anugerah-anugerah serta pengiktirafan yang telah diperolehi.

Saya berasa amat bangga dengan pencapaian dan kejayaan yang telah dikecapi oleh PTAR. Saya berharap ia akan menjadi pemangkin kepada semua Warga UiTM khususnya Warga PTAR untuk lebih berusaha bagi memastikan UiTM menjadi sebuah Universiti yang unggul dan berdaya saing.

Akhir kata, SYABAS dan TAHNIAH di ucapkan buat semua warga PTAR diatas segala usaha dan kerjasama yang telah diberikan selama ini.

**PTAR@your service**

**Sekian, terima kasih.**

# BENGGKEL GURU JOHOR

Perpustakaan Tun Abdul Razak

11-15 MEI 2009

Sukacita dimaklumkan bahawa Perpustakaan Tun Abdul Razak, Perpustakaan UiTM Johor, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor telah berjaya menganjurkan Bengkel Pengurusan Pusat Sumber Sekolah-sekolah Menengah Peringkat Negeri Johor yang berlangsung pada 11 hingga 14 Mei yang lalu bertempat di Hotel Seri Malaysia, Johor Bahru.

Penganjuran Bengkel kali ke 11 ini telah berjaya menarik seramai 148 orang peserta yang terdiri daripada Guru Perpustakaan dan Media dari seluruh Daerah Negeri Johor. Bengkel yang telah disempurnakan perasmianya oleh Tuan Haji Haron ini juga telah menyaksikan sebanyak 7 kertas kerja telah berjaya dibentangkan oleh para penceramah jemputan yang terdiri daripada penceramah dari Fakulti Pengurusan Maklumat Shah Alam dan Johor, penceramah dari Bahagian Teknologi Pendidikan Bukit Kiara dan Penceramah dari Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor.

Makluman dari Borang Maklumbalas yang diedarkan mendapati bahawa bengkel ini mendapat sambutan dan sokongan yang baik dari semua peserta yang terlibat. Semua perancangan dan aktiviti bengkel dapat dijalankan dengan baik dan kemuncak aktiviti perasmian penutup telah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor dan diakhiri dengan aktiviti memotong kek dan nyanyian lagu guru sempena sambutan Hari Guru yang diraikan pada 17 Mei 2009.

Sekalung tahniah dan syabas kepada semua Ahli Jawatan Kuasa yang terlibat dan bertungkus-lumus dalam menjayakan Bengkel Guru pada kali ini dan jumpa di Bengkel seterusnya yang akan berlangsung di Melaka pada November ini.



# SENAMROBIK 2009





# MAULIDUR RASUL

Perpustakaan Tun Abdul Razak

27 Mac 2009





**AUDIT (5S)**  
 Perpustakaan Tun Abdul Razak  
**11-14 MEI 2009**





**LAWATAN PELAJAR  
UNIVERSITY OF SCIENCE  
AND  
TECHNOLOGY, YEMEN  
(USTY)**

Perpustakaan Tun Abdul Razak

**17 Jun 2009**





# LAWATAN POLITEKNIK S.A.A.S ke

Perpustakaan Tun Abdul Razak  
**2 Mac 2009**





**LAWATAN INSTITUT  
AMINUDDIN BAKI**  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
**28 April 2009**





# LAWATAN PELAJAR SEKOLAH

S.M.K KUBOR PANJANG  
ALOR STAR, KEDAH

ke

Perpustakaan Tun Abdul Razak

19 Jun 2009

